

PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024

Pendahuluan

Pengurusan hutan yang cekap dan penggunaan sumber asli yang mampan adalah penting dalam mencapai pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar. Hala tuju pengurusan sumber secara mampan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan dan Malaysia di antara negara pengeluar utama kayu tropika sentiasa meningkatkan piawaian ke tahap yang lebih baik. Selain daripada keperluan untuk kestabilan ekonomi, tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial juga perlu dititik beratkan bagi memastikan matlamat pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dapat dicapai.


Penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahaan dalam HSK adalah perlu dilaksanakan di setiap kawasan pengusahaan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan pandangan masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan pengusahaan diambilkira dan dipandang berat bagi membantu merancang pengurusan hutan di masa hadapan, selain memastikan pelaksanaan aktiviti pengusahaan adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa.

Metodologi


Penilaian terhadap maklum balas Borang Penilaian Impak Sosial Kawasan Pengusahaan dalam HSK di Negeri Sembilan bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengusahaan dilaksanakan bagi tahun 2024. Perbandingan peratusan maklum balas positif dan negatif oleh responden kepada aktiviti pengusahaan di kawasan tertentu dalam HSK dikira berdasarkan kepada bilangan soalan yang dijawab dalam Borang Kaji Selidik (*Questionnaire*) yang telah diedarkan.

Penilaian Impak Sosial

Rajah 1: Peratus (%) **maklumbalas positif** terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2024**.



2: Peratus (%) **maklumbalas negatif** terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2024**.



Berdasarkan analisa di atas, didapati peratusan maklumbalas positif responden terhadap aktiviti pengusahasilan di empat (4) kawasan usahasil iaitu Kompt. 26 HS, Pelangai, Kompt. 78 HS Kenaboi, Kompt. 32, HS Senaling Inas dan Kompt. 37 HS Kenaboi adalah lebih tinggi iaitu di antara julat 40% hingga 82% berbanding maklumbalas negatif yang lebih rendah iaitu di antara julat 18% hingga 79%.

Walaubagaimanapun, maklumbalas responden selepas bagi usahasil di Kompt. 78 HS Kenaboi tidak dapat dilaksanakan kerana lesen tamat pada 30.05.2025 dan sedang menunggu pembaharuan lesen. Peratus bagi Kompt. 37 HS Kenaboi adalah lebih negatif berbanding tiga (3) kawasan usahasil yang lain.

Namun, aktiviti pengusahasilan ini bukan sahaja dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk yang tinggal berhampiran, juga warung-warung serta kedai runcit berhampiran menerima perbelanjaan bagi mendapatkan keperluan harian daripada pekerja-pekerja syarikat pengusahasilan. Di samping itu, dengan adanya jalan hutan yang dibina dan diselenggara dengan baik, masyarakat setempat terutamanya orang asli mendapat kemudahan laluan darat yang digunakan dalam aktiviti penyaraan hidup, seperti mencari hasil hutan iaitu buah-buahan nadir, tumbuhan ubatan dan lain-lain. Lanjutan itu, amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System*) juga mengehendaki pihak syarikat pengusahasilan agar mematuhi peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa seperti yang telah dinasihatkan oleh pihak JPNNS.

Kesimpulan

Secara amnya, amalan pengurusan hutan secara berkekalan dengan berlandaskan perkhidmatan hutan yang menyumbang kepada sosio-ekonomi masyarakat mampu memberi impak positif kepada masyarakat setempat. Komitmen dan intergriti semua pihak dalam memelihara khazanah hutan dapat menjamin kemandirian taraf hidup sejagat di samping menjamin kemampanan sumber kepelbagaian biologi Negara.